

16 NOV 1999

Abdullah-CNN

BANYAK KAITAN PILIHAN RAYA DENGAN PERPADUAN MELAYU, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Pilihan raya umum akan datang mempunyai banyak kaitan dengan perpaduan dan kepimpinan Melayu di negara ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata Malaysia telah mengamalkan formula berkongsi kuasa dengan pelbagai masyarakat dengan setiap kaum diwakili dalam Kabinet.

Abdullah berkata mengikut konsep berkongsi kuasa itu, kepimpinan selalunya datang daripada masyarakat Melayu dan oleh itu perpaduan Melayu amat penting.

"Dalam konsep berkongsi kuasa ini, kepimpinan datang daripada perpaduan Melayu dan sudah tentunya perpaduan Melayu penting dalam sebarang pilihan raya yang kita adakan di Malaysia," katanya ketika ditemu bual oleh CNN.

Abdullah ditanya mengenai kaitan pilihan raya Nov 29 ini dengan perpaduan dan kepimpinan Melayu di negara ini.

Mengenai kritikan pembangkang bahawa mereka tidak diberikan masa yang mencukupi untuk membuat persiapan bagi pilihan raya, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata bahawa pihak pembangkang telahpun berkempen sejak dua tahun lepas.

"Pihak pembangkang sentiasa mengkritik kita setiap kali datangnya pilihan raya dan merungut bahawa tempohnya terlalu singkat. Sebenarnya mereka telah berkempen hampir dua tahun. Jadi tiada apa yang perlu dirungutkan lagi mengenai tempoh yang singkat itu," katanya.

Semasa ditanya mengenai kekuatan gabungan parti pembangkang, Abdullah berkata mereka tidak kuat.

"Saya tidak fikir bahawa mereka cukup kuat pada masa ini tetapi amat bercelaru. Satu-satunya objektif yang mengikat mereka ialah kerana mereka membangkang kita. Selain itu, mereka tidak mempunyai sebarang persamaan," katanya.

Abdullah turut ditanya mengenai kenyataan Ketua Pembangkang Lim Kit Siang hari ini bahawa satu saman akan difail pada Rabu bagi mendesak Suruhanjaya Pilihanraya sama ada membenarkan 650,000 pengundi baru mengundi pada pilihan raya 29 Nov ini atau menangguhkan pilihan raya sehingga mereka boleh dimasukkan dalam senarai pemilih.

Abdullah berkata bahawa oleh kerana pilihan raya diadakan tahun ini, Suruhanjaya Pilihanraya perlu menggunakan senarai pemilih tahun ini.

"Bagi kami, pengundi (baru) telahpun berdaftar dan pendaftaran itu adalah bagi tahun depan. Oleh kerana pilihan raya adalah pada tahun ini, jadi kami gunakan panduan yang satu lagi. Ini bukannya sesuatu yang tidak betul. Apa yang kami buat adalah betul," katanya.

Abdullah turut memberikan jaminan kepada orang ramai bahawa pilihan raya itu akan diadakan secara adil seperti yang diamalkan pada sembilan pilihan raya umum yang lepas.

"Kita telah adakan sembilan pilihan raya sebelum ini tiada sebarang masalah. Setiap kali pilihan raya, pihak pembangkang sentiasa merungut. Saya rasa mereka hanya cuba mencari alasan sebelum dikalahkan," katanya.

Mengenai kelayakan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk bertanding pada pilihan raya umum ini, Abdullah berkata beliau menyerahkan perkara itu kepada mahkamah untuk membuat keputusan kerana peguam Anwar dijangka mengemukakan perkara itu kepada mahkamah.

Semasa ditanya sama ada Anwar merupakan ancaman besar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Abdullah berkata: "Saya rasa

tidak."

Ditanya sama ada Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin akan disenaraikan sebagai calon, Abdullah berkata: "Sebenarnya, saya juga tertanya-tanya sama ada beliau akan bertanding atau tidak pada pilihan raya ini. Tetapi, saya ramalkan beliau akan berbuat demikian".

-- BERNAMA

RV RHM MAI